

28 AUG 1998

Mahathir-Bakun

KERAJAAN CARI JALAN SELESAIKAN PROJEK BAKUN

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa kerajaan, yang telah membayar sebahagian daripada pampasan kepada Ekran Bhd, pemaaju projek Hidro-elektrik Bakun yang ditunda itu, masih mengusahakan cara untuk menyelesaikan projek itu.

Perdana Menteri berkata projek itu akan dilaksanakan secara kecil-kecilan dan mungkin dipasang dengan turbin yang kurang sedikit mengikut keperluan.

"Ini adalah sebahagian daripada ideanya. Kita belum lagi memutuskan sesuatu," beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung tiga tahunan ke-9 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Santubong Resort kira-kira 35 kilometer dari sini.

Bulan lepas, Dewan Rakyat telah diberitahu bahawa kerajaan setakat ini telah memberikan pampasan awal sebanyak RM40 juta kepada Ekran, tetapi pampasan keseluruhannya masih diusahakan.

Firma perakaunan Price Waterhouse Coopers telah dilantik untuk mengkaji pampasan itu tetapi ia belum lagi mengesahkan perbelanjaan bagi pembayaran pampasan itu kerana kelewatan mengemukakan dokumen berkaitan.

Apabila ditanya mengenai kos projek itu, Dr Mahathir berkata ia akan dikurangkan dengan banyaknya kerana kerajaan tidak bercadang untuk membawa kuasa elektrik dari Bakun ke Semenanjung Malaysia, yang membatalkan keperluan untuk memasang kabel dasar laut yang diperlukan.

Katanya ini akan menjimatkan RM6 bilion daripada anggaran asal kos sebanyak RM13.6 bilion projek itu.

Kuasa elektrik itu akan digunakan di Sarawak bagi melipat-gandakan industri-industri berintensif tenaganya dengan mengambil kesempatan daripada kuasa elektrik murah yang ada, katanya.

Mengenai sama ada terdapat ruang bagi perkembangan pada masa akan datang, Dr Mahathir berkata ia boleh dilakukan melalui tambahan lebih banyak turbin.

Katanya projek itu akan disiapkan dalam beberapa siri bergantung kepada keperluan tenaga Sarawak dan Sabah dan keupayaan turbin.

Dr Mahathir berkata dengan kedudukan baru ini, keperluan tenaga Semenanjung Malaysia perlu dikaji semula kerana ia pada awalnya telah dirancang dengan mengambil kira bekalan kuasa elektrik dari Bakun.

"Jadi jika kita tidak ambil kira Bakun, maka kita perlu rancang semula (mengambil kira) Pengeluar-pengeluar Kuasa Persendirian (IPP)," katanya.

Kerajaan memutuskan untuk menangguhkan projek hidro-elektrik Bakun awal tahun ini di samping projek utama lain di negara ini untuk mengurangkan perbelanjaan awam kerana ekonomi lembap disebabkan krisis matawang.

Projek itu sepatutnya menjana 2,400 megawatt kuasa elektrik sehari bukan sahaja kepada Sarawak tetapi juga ke Semenanjung Malaysia.

Mengenai kemajuan kampus tetap yang dicadangkan untuk Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), yang telah tertangguh, Dr Mahathir berkata: "Kita sedang teruskan, ia tertangguh sementara kerana keadaan ekonomi di negara ini."

-- BERNAMA

MAM/OPP OS NMO